



NEGERI SEMBILAN

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF NEGERI SEMBILAN GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 60**

**22hb November 2007**

**No. 24**

---

---

AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984  
(Akta 313)

NATIONAL FORESTRY ACT 1984  
(Act 313)

**No. 872.**

(Seksyen 11 dan 13)

PENGELUARAN SEBAHAGIAN DARIPADA HUTAN SIMPAN SENALING INAS

(Sections 11 and 13)

EXCISION OF PART OF SENALING INAS FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan bahawa petak tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan dengan sempadan berwarna kelabu dalam Pelan *Warta* No. P.W. 2300, yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan tidak lagi mejadi sebahagian Hutan Simpan Senaling Inas sebagaimana yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* N.M.B No. 1733 pada 2 September 1910 [*W.K.N.M.B No. 1733/1910*], berkuat kuasa mulai tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim—Johol. No. Pelan *Warta*—P.W. 2300.  
Keluasan—133.0487 hektar.

Bertarikh 5 November 2007  
[PTKP 353/152/02/02 Sj. 1;  
PTG. NS. 1/7/4/87;  
PU/NS(SW)13]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority declares that the parcel of land described in the Schedule and delineated by grey borders in the *Gazette* Plan No. P.W. 2300 which is deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Negeri Sembilan shall cease to be part of the forest reserve known as the Senaling Inas Forest Reserve as published vide F.M.S. Government *Gazette* No. 1733 on 2 September 1910 [*F.M.S.G.G. No. 1733/1910*] with effect from the date of the publication of this Notification in the *Gazette*.

## SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Johol. *Gazette* Plan No.—P.W. 2300.  
Area—133.0487 hectares.

Dated 5 November 2007  
[PTKP 353/152/02/02 Sj. 1;  
PTG. NS. 1/7/4/87;  
PU/NS(SW)13]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

**No. 873.**

## PENGELUARAN SEBAHAGIAN DARIPADA HUTAN SIMPAN KENABOI

## EXCISION OF PART OF KENABOI FOREST RESERVE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 11 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984 [*Akta 313*], Pihak Berkuasa Negeri mengisytiharkan bahawa petak tanah seperti yang diperihalkan dalam Jadual dan ditanda dengan sempadan berwarna kelabu dalam Pelan *Warta* No. P.W. 1006 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan tidak lagi menjadi sebahagian Hutan Simpan Kenaboi sebagaimana yang disiarkan dalam *Warta* Kerajaan N.M.B. No. 4662 pada 1 Oktober 1937 berkuat kuasa mulai tarikh Pemberitahuan ini disiarkan dalam *Warta*.

## JADUAL

Daerah—Jelebu. Mukim—Triang Ilir. No. Pelan *Warta*—P.W. 1006. Keluasan—1214 hektar.

Bertarikh 12 November 2007  
[PTG. NS. 1/4/5/21K; PU/NS(SW)13]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

In exercise of the powers conferred by sections 11 and 13 of the National Forestry Act 1984 [*Act 313*], the State Authority declares that the parcel of land described in the Schedule and delineated by grey borders in the *Gazette* Plan No. P.W. 1006 which is deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Negeri Sembilan shall cease to be part of the forest reserve known as the Kenaboi Forest Reserve as published vide F.M.S. Government *Gazette* No. 4662 on 1 October 1937 with effect from the date of the publication of this Notification in the *Gazette*.

## SCHEDULE

District—Jelebu. Mukim—Triang Ilir. *Gazette* Plan No.—P.W. 1006. Area—1214 hectares.

Dated 12 November 2007

[PTG. NS. 1/4/5/21K; PU/NS(SW)13]

YAAKOP BIN RANTAU

*Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan*

**No. 874.**

AKTA PENJARA 1995  
(Akta 537)

PRISON ACT 1995  
(Act 537)

ANGGOTA LEMBAGA HAKIM PELAWAT 2006–2007

MEMBERS OF THE BOARD OF VISITING JUSTICE 2006–2007

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 64 Akta Penjara 1995 [Akta 537], Menteri Besar telah melantik orang yang berikut untuk menjadi anggota Lembaga Hakim Pelawat bagi tahun 2006-2007.

In exercise of the powers conferred by section 64 of the Prison Act 1995 [Act 537], the Menteri Besar has appointed the following persons to be members of the Board of Visiting Justices for the year 2006-2007.

Bil./ No.	Nama/Name	Jawatan/Occupation	Alamat/Address
1.	En. Abdul Hamid bin Abd. Samad	Pegawai Daerah Jelebu/ <i>District Officer of Jelebu</i>	Pejabat Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
2.	YB Tuan Jalaluddin bin Hj. Alias	ADUN Kawasan Klawang/ <i>Member of State Legislative Assembly of Klawang</i>	Pejabat ADUN Klawang 71600 Kuala Klawang
3.	YB Mejar (B) Dato' Lim Yong @ Lim Chen	ADUN Kawasan Chennah/ <i>Member of State Legislative Assembly of Chennah</i>	66 Jln Dato' Moyang Salleh 71600 Kuala Klawang
4.	YB Dato' Razak bin Mansor	ADUN Kawasan Pertang/ <i>Member of State Legislative Assembly of Pertang</i>	4 Jalan Helang Taman Sri Pertang 72300 Simpang Pertang
5.	DSP Abdur Rahim bin Mohd Isa	Ketua Polis Daerah Jelebu/ <i>Officer in charge of Police District</i>	Ibu Pejabat Polis Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
6.	En. Mohd Noh bin Karim	Jurutera Daerah Jelebu/ <i>District Engineer</i>	Jabatan Kerja Raya 71600 Kuala Klawang
7.	Ustaz Ibrahim bin Kassim	Pegawai Agama Islam Daerah/ <i>District Islamic Officer</i>	Pejabat Agama Islam Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang

WARTA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

1030

[22hb Nov. 2007

Bil./ No.	Nama/Name	Jawatan/Occupation	Alamat/Address
8.	Y.Bhg. Tuan Haji Zainuddin bin Haji Ismail	Setiausaha Politik/ <i>Secretary of Minister Political</i>	Pejabat UMNO Jelebu 71600 Kuala Klawang
9.	Dr. Noraziah binti Abu Bakar	Pegawai Kesihatan Daerah/ <i>District Healthy Officer</i>	Pejabat Kesihatan Daerah 71600 Kuala Klawang
10.	En. Amino Agos bin Suyub	Timbalan Pentadbir Tanah/ <i>Vice Land Administrator</i>	Pejabat Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
11.	En. Zulkiflee bin Mohamad @ Haniffa	Penolong Pegawai Daerah/ <i>Assistant District Officer</i>	Pejabat Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
12.	En. Mahyudin bin Musa @ Hussin	Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan)/ <i>Assistant District Officer (Development)</i>	Pejabat Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
13.	Encik Sazaki bin Abd. Rahman	Pegawai Penerangan Daerah/ <i>District Information Officer</i>	Pejabat Penerangan Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
14.	Cik Rosmalina binti Abd. Manaf	Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah/ <i>District Welfare Officer</i>	Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
15.	Hj. Shahrudin bin Mahamad Yunus	Komandan Pusat Serenti Daerah/ <i>Commandant of Serenti Centre</i>	Pusat Serenti Jelebu Agensi Dadah Kebangsaan 71650 Titi, Jelebu
16.	En. Mohd Fouzi bin Hj. Isa	Penghulu Mukim (Kenaboi/Ulu Triang)/ <i>Penghulu of Mukim Kenaboi/Ulu Triang</i>	Pejabat Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
17.	Tuan Syed Loed bin Syed Yusuf	Ahli Majlis Daerah Jelebu/ <i>District Councillor of Jelebu</i>	88, Taman KSM, Larong 71600 Kuala Klawang
18.	Encik Mohammad Zainoor bin Zaimuddin	Setiausaha, Majlis Daerah Jelebu/ <i>Secretary of District Council</i>	Majlis Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang
19.	Encik Safizal bin Azmi	Penolong Pegawai Daerah (Pentadbiran/Kew.)/ <i>Assistant District Officer (Administration and Finance)</i>	Pejabat Daerah Jelebu 71600 Kuala Klawang

Bertarikh 24 Mei 2007

Dated 24 May 2007

[PDJ: 0101-03-10/1(64);

(SUKNS. 200(03) 608/1 Klt. 1);

PU/NS(SW)]

Y.A.B Menteri Besar  
Negeri Sembilan

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 875.**

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH-TANAH

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LANDS

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* [W.K.N.S No. 333/1965], pada 9 September 1965, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah [Bab 138], Raja dalam Mesyuarat telah mengisytiharkan bahawa tanah Lot 4670, Mukim Pilah, Daerah Kuala Pilah seluas 2 ekar 22 pol (8650 meter persegi) dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. P.A. 18733 yang disimpan di Pejabat Ketua Juruukur, Negeri Sembilan menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, tapak kerja air dan loji rawatan, di bawah jagaan Jurutera Negeri, Negeri Sembilan:

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* [W.K.N.S. No. 754/2007] pada 27 September 2007:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim—Pilah. No. Pelan *Akui*—P.A. 18733. No. Lot—4670. Keluasan—2 ekar 22 pol (8650 meter persegi).

Bertarikh 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2;  
PU/NS(SW)7]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* [N.S.G.G. No. 333/1965] on 9 September 1965, in exercise of the powers conferred by subsection 24(i) of the Land Code [Cap. 138], the Ruler in Council had proclaimed that the land, being Lot 4670, Mukim of Pilah, District of Kuala Pilah having an area of 2 acres 22 poles (8650 square metres) and delineated upon Revenue Survey Plan No. C.P. 18733 which is deposited in the Office of Chief Surveyor, Negeri Sembilan to be a reserve for a public purpose, to wit, a site waterworks and treatment plant, to be maintained by the State Engineer, Negeri Sembilan:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal of the State Authority as aforesaid was published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* [N.S.G.G. No. 754/2007] on 27 September 2007:

And whereas, no objection to the proposal of the State Authority as aforesaid was received:

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority revokes that whole of the aforesaid reservation.

#### SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Pilah. *Certified* Plan No.—C.P. 18733. Lot No.—4670. Area—2 acres 22 poles (8650 square metres).

Dated 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2;  
PU/NS(SW)7]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

#### **No. 876.**

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan N.M.B.* [W.K.N.M.B. No. 597/1914], pada 27 Februari 1914, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 [*Enakmen Tanah 1911*], Residen Negeri Sembilan mengisytiharkan bahawa tanah Lot 2106, Mukim Pilah, Daerah Kuala Pilah seluas 2 ekar 3 rod 40 pol (11000 meter persegi) dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. P.A. 2408 yang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil Negeri Sembilan menjadi suatu rizab bagi tujuan kerja air, di bawah jagaan Jurutera Eksekutif, Kuala Pilah:

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* [W.K.N.S. No. 755/2007] pada 27 September 2007:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

## JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim—Pilah. No. Pelan *Akui*—P.A. 2408. No. Lot—2106. Keluasan—2 ekar 3 rod 40 pol (11000 meter persegi).

Bertarikh 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2;  
PU/NS(SW)7]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification published in the F.M.S. Government *Gazette* [F.M.S.G.G. No. 597/1914] on 27 February 1914, in exercise of the powers vested by section 9 of the Land Enactment 1911 [*Land Enactment 1911*], the Resident of Negeri Sembilan proclaimed that the land, being Lot 2106, Mukim of Pilah, District of Kuala Pilah having an area of 2 acres 3 rods 40 poles (11000 square metres) and delineated upon Revenue Survey Plan No. C.P. 2408 which is deposited in the Office of the Superintendent, Revenue Surveys, Negeri Sembilan, Seremban to be a reserve for the purpose of waterworks, to be maintained by the Executive Engineer, Kuala Pilah:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal of the State Authority as aforesaid was published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* [N.S.G.G. No. 755/2007] on 27 September 2007:

And whereas, no objection to the proposal of the State Authority as aforesaid was received:

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority revokes that whole of the aforesaid reservation.

## SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Pilah. *Certified* Plan No.—C.P. 2408. Lot No.—2106. Area—2 acres 3 rods 40 poles (11000 square metres).

Dated 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2;  
PU/NS(SW)7]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

**No. 877.**

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan N.M.B.* seperti dalam Jadual, pada menjalankan kuasa yang diberikan padanya oleh seksyen 9 Enakmen Tanah 1911 [*Enakmen Tanah 1911*], Residen Negeri Sembilan telah mengisytiharkan bahawa tanah yang diperihalkan dalam Jadual dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil yang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil, Seremban menjadi suatu rizab bagi tujuan empangan pengairan di bawah jagaan Jurutera Negeri, Negeri Sembilan dan penggantinya:



Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Dan bahawasanya, notis mengenai cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu itu telah disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* [W.K.N.S. No. 756/2007] pada 27 September 2007:

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan Pihak Berkuasa Negeri sebagaimana yang disebut terdahulu:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu.

## JADUAL

## Daerah—Kuala Pilah.

Bil.	Mukim	No. Lot	Keluasan Meter Persegi	No. <i>Warta</i>	No. Pelan <i>Akui</i>
1.	Terachi	3561	5700	1797/1925	P.A. 8755
2.	Terachi	3562	2050	1796/1925	P.A. 8758

Bertarikh 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2;  
PU/NS(SW)7]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification published in the F.M.S. Government *Gazette* in the Schedule, in exercise of the powers vested by section 9 of the Land Enactment 1911 [*Land Enactment 1911*], the Resident of Negeri Sembilan proclaimed that the lands, described in the Schedule and delineated upon Revenue Survey Plan which is deposited in the Office of the Superintendent of Revenue Survey at Seremban, to be a reserve for the purpose, of an irrigation dam, to be maintained by the State Engineer, Negeri Sembilan and his successors in office:

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that whole of the aforesaid reservation should be revoked:

And whereas, notice of the proposal of the State Authority as aforesaid was published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* [N.S.G.G. No. 756/2007] on 27 September 2007:

And whereas, no objection to the proposal of the State Authority as aforesaid was received:

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority revokes that whole of the aforesaid reservation.



SCHEDULE

District—Kuala Pilah.

No.	Mukim	Lot No.	Area (square metres)	Gazette No.	Certified Plan No.
1.	Terachi	3561	5700	1797/1925	C.P. 8755
2.	Terachi	3562	2050	1796/1925	C.P. 8758

Dated 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2;  
PU/NS(SW)7]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council  
Negeri Sembilan*

**No. 878.**

[Subseksyen 64(2)]

NOTIS CADANGAN PEMBATALAN PERIZABAN TANAH-TANAH BAGI  
MAKSUD AWAM

[Subsection 64(2)]

NOTICE OF PROPOSED REVOCATION OF RESERVATION OF LANDS  
FOR A PUBLIC PURPOSE

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan No. 53 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Sembilan* pada 26 Januari 1967 [W.K.N.S. No. 53/1967], pada menjalankan kuasa yang diberikan padanya oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri telah mengisytiharkan bahawa tanah Lot 2383 yang terletak di Bandar Telok Kemang, Daerah Port Dickson seluas 0.235 hektar dan ditandakan di atas Pelan No. P.A. 19342 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Negeri Sembilan menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, tapak melihat anak bulan, di bawah jagaan Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Negeri Sembilan.

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri bahawa keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri memberikan notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun tersebut mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan, Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri, Seremban pada bila-bila masa waktu pejabat dalam tempoh 30 hari dari tarikh penyiaran Pemberitahuan ini dalam *Warta*.

## JADUAL

Daerah—Port Dickson. Bandar—Telok Kemang. No. Pelan *Akui*—P.A. 19342.  
No. Lot—2383. Keluasan—0.235 hektar.

Bertarikh 5 November 2007  
[PTPD 370/102/2007/03; PU/NS(SW)II]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification No. 53 published in the Negeri Sembilan Government *Gazette* on 26 January 1967 [*N.S.G.G. No. 53/1967*], in exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*56 of 1965*], the state Authority proclaimed that the land being Lot 2383, Town of Telok Kemang, District of Port Dickson having an area of 0.235 hectares and delineated upon *Certified Plan No. C.P. 19342* which is deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Negeri Sembilan to be a reserve for a public purpose, that is, a site for sighting new moon to be maintained by the Director of Islamic Religious Affairs, Negeri Sembilan.

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that whole part of the aforesaid reservation should be revoked.

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code [*56 of 1965*], the State Authority gives notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to whole part of the aforesaid reservation and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan at an enquiry to be held at the Office of the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, Block A, 4th Floor, Wisma Negeri, Seremban at any time during office hours within 30 days from the date of the publication of this Notification in the *Gazette*.

## SCHEDULE

District—Port Dickson. Town—Telok Kemang. *Certified Plan No.*—C.P. 19342.  
Lot No.—2383. Area—0.235 hectare.

Dated 5 November 2007  
[PTPD 370/102/2007/03; PU/NS(SW)II]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

**No. 879.**

Bahawasanya, melalui Pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan N.M.B.* [*W.K.N.M.B. No. 4681/1931*] pada 3 Julai 1931, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadanya oleh subseksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [*Bab 138*], Residen Negeri Sembilan mengisytiharkan bahawa tanah Lot 3967, Mukim Terachi, Daerah Kuala Pilah seluas 2 rod 23.2 pol (2610 meter persegi) dan ditandakan di atas Pelan Ukur Hasil No. P.A. 12070 yang disimpan di Pejabat Penguasa Ukur Hasil Negeri Sembilan, Seremban menjadi suatu rizab bagi tujuan empangan pengairan, di bawah jagaan Jurutera Negeri, Negeri Sembilan dan penggantinya.

Dan bahawasanya, didapati suaimanfaat sekarang oleh Pihak Berkuasa Negeri supaya keseluruhan perizaban yang disebut terdahulu itu patut dibatalkan:

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], Pihak Berkuasa Negeri memberi notis di bawah subseksyen 64(2) Kanun itu mengenai cadangan untuk membatalkan keseluruhan perizaban itu dan bahawa mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu akan didengar oleh Pengarah Tanah dan Galian, Negeri Sembilan dalam suatu siasatan yang akan diadakan di Pejabat Tanah dan Galian, Negeri Sembilan, Bilik Bincang, Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri, Seremban, jam 9.30 pagi pada 2 Disember 2007.

## JADUAL

Daerah—Kuala Pilah. Mukim—Terachi. No. Pelan *Akui*—P.A. 12070. No. Lot—3967. Keluasan—2 rod 23.2 pol (2610 meter persegi).

Bertarikh 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2; PU/NS(SW)11]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Negeri Sembilan*

Whereas, by Notification published in the F.M.S. Government *Gazette* [F.M.S.G.G. No. 4681/1931] on 3 July 1931, in exercise of the powers conferred by subsection 24(i) of the Land Code 1926 [Cap 138], the Resident of Negeri Sembilan proclaimed that the land, being Lot 3967, Mukim of Terachi, District of Kuala Pilah having an area of 2 roods 23.2 poles (2610 square metres) and delineated upon Revenue Survey Plan No. C.P. 12070 which is deposited in the Office of the Superintendent, Revenue Surveys, Negeri Sembilan, Seremban to be a reserve for the purpose of an irrigation dam, to be maintained by the State Engineer, Negeri Sembilan and his successors in office.

And whereas, it now appears expedient to the State Authority that whole of the aforesaid reservation should be revoked:

Now therefore, in exercise of the powers conferred under subsection 64(1) of the National Land Code [56 of 1965], the State Authority give notice under subsection 64(2) of the said Code of the proposal to revoke the whole of the aforesaid reservation and that any person who desires to object against such revocation will be heard by the Director of Land and Mines, at an enquiry to be held at the Office of the Director of Land and Mines, Negeri Sembilan, Discussion Room, 4th Floor, Block A, Wisma Negeri, Seremban at 9.30 a.m. on 3 December 2007.

## SCHEDULE

District—Kuala Pilah. Mukim—Terachi. *Certified* Plan No.—C.P. 12070. Lot No.—3967. Area—2 roods 23.2 poles (2610 square metres).

Dated 12 November 2007  
[PTG.NS 13/155 Klt. 2; PU/NS(SW)11]

YAAKOP BIN RANTAU  
*Clerk of the Executive Council*  
*Negeri Sembilan*

**No. 880.**

(Seksyen 168)

NOTIS-NOTIS MENGENAI CADANGAN HENDAK MENGELUARKAN  
HAKMILIK SAMBUNGAN (ATAU SURATAN YANG DIKELUARKAN  
YANG BARU SEBAGAI GANTINYA)

(Section 168)

NOTICES OF INTENTION TO ISSUE TITLE IN CONTINUATION  
(OR NEW ISSUE DOCUMENT OF TITLE IN LIEU THEREOF)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran mengenainya telah diakui hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code [56 of 1965], notice is given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule for the following reason:

The Issue Document of Title has been declared lost.

## JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Mukim	Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Keluasan	No. Fail
<i>No.</i>	<i>Mukim</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Lot No.</i>	<i>Area</i>	<i>File No.</i>
		G.M.		Hektar/ Hectares	
1.	Repah	535	451	1.5682	PTT 260/5/2007/5

Bertarikh 26 September 2007  
Dated 26 September 2007  
[PTT. 260/5/2007/5]

WAN RAZALI BIN WAN AWANG  
*Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Tampin*

**No. 881.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 168 Kanun Tanah Negara [56 tahun 1965], notis adalah dengan ini diberi bahawa adalah dicadangkan hendak mengeluarkan hakmilik sambungan yang dikeluarkan bagi tanah yang tersebut dalam Jadual di bawah ini kerana sebab-sebab yang berikut:

Dokumen Hakmilik Keluaran mengenainya telah diakui hilang.

In exercise of the powers conferred by section 168 of the National Land Code [56 of 1965], notice is given that it is proposed to issue title in continuation to the land described in the Schedule for the following reason:

The Issue Document of Title has been declared lost.

JADUAL/SCHEDULE

Bil.	Mukim	Jenis dan No. Hakmilik	No. Lot	Keluasan
<i>No.</i>	<i>Mukim</i>	<i>Description and No. of Title</i>	<i>Lot No.</i>	<i>Area</i>
		P.M.		Meter Persegi/ <i>Square Metres</i>
1.	Ayer Kuning	484	1984	1072
				Hektar/ <i>Hectares</i>
2.	Ayer Kuning	485	1266	3.296
3.	Ayer Kuning	1400	2553	0.8117

Bertarikh 29 Oktober 2007  
Dated 29 October 2007  
[PDKG(T) 260/6/11/2007; PU/NS(SW)2]

MOHD ZAHIRIN BIN ADNAN  
*Pentadbir Tanah Daerah/  
District Land Administrator  
Tampin*

**No. 882.**

PEMBETULAN

Jadual kepada Pemberitahuan Warta No. 663 yang disiarkan pada 2 Ogos 2007 adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Ayer Kuning" yang terdapat dalam ruang "Mukim" dengan perkataan "Gemas".

[PDKG(T) 160/7/5/2007; PU/NS(SW)2]

AKTA PENGAMBILAN TANAH 1960

(Akta 486)

LAND ACQUISITION ACT 1960

(Act 486)

**No. 883.**

(Seksyen 8)

PENGISYTIHARAN-PENGISYTIHARAN PENGAMBILAN YANG DICADANGKAN

(Section 8)

DECLARATIONS OF INTENDED ACQUISITION

Dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan dalam Jadual adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Bagi maksud awam, iaitu untuk projek jalan masuk ke Empangan Batu Hampar (Skim Bekalan Air Batu Hampar) di Mukim Sepri, Daerah Rembau, Negeri Sembilan di bawah perenggan 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu bekerja biasa di Pejabat Daerah dan Tanah Rembau.

It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule are needed for the following purpose:

For a public purpose, that is a site for road entrance project to Batu Hampar Dam (Batu Hampar Water Supply Scheme) at Mukim Sepri, District of Rembau, Negeri Sembilan under paragraph 3(1)(a) of the Land Acquisition Act 1960.

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during normal working hours at the District and Land Office of Rembau.

## JADUAL/SCHEDULE

## Daerah/District—Rembau. Mukim/Mukim—Sepri.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Survey Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	G.M.		Hektar/ Hectares	Hektar/ Hectares
689	546	Sarah binti Inoh 3/16 bhg./share dan/and Siti Rahmah binti Samat 13/16 bhg./share	0.4348	0.1589
811	233	Siti Rahmah binti Samat 1/2 bhg./share dan/and Zainab binti Yunus 1/2 bhg./share	1.0749	0.5747
968	7	Katas bin Amat 3/4 bhg./share dan/ and Wahab bin Katas 1/4 bhg./share	1.4633	0.1367
1201	1057	Esah binti Sambin 20/72 bhg./share, Kalsom bin Aman 33/72 bhg./share dan/and Zainab binti Derani 19/72 bhg./share	0.5256	0.5256
	P.M.			
1278	16	Hamzah bin Yasin 1/1 bhg./share	0.4144	0.0943

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Survey Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	P.M.		Hektar/ Hectares	Hektar/ Hectares
1279	17	Alias bin Sidek 1/1 bhg./share	0.4211	0.4211
1280	18	Zamzan bin Omar 1/1 bhg./share	0.4278	0.1498

Bertarikh 31 Oktober 2007

Dated 31 October 2007

[PTR. 362/101/2007/14; PTG.NS 1/11/6/23; PU/NS(SW)12]

ZAFFARUDIN BIN SHARIF  
*Pengarah Tanah dan Galian/  
Director of Land and Mines  
Negeri Sembilan*

**No. 884.**

Dengan ini diisytiharkan bahawa tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan dalam Jadual adalah diperlukan bagi maksud yang berikut:

Bagi maksud awam, iaitu untuk pengambilan tanah bagi cadangan projek membina padang bola dan menaiktaraf longkang bagi tujuan kegunaan awam di Mukim Ampangan, Daerah Seremban, Negeri Sembilan di bawah perenggan 3(1)(b) Akta Pengambilan Tanah 1960.

2. Suatu pelan tanah dan kawasan tertentu yang dinyatakan itu boleh diperiksa semasa waktu bekerja biasa di Pejabat Daerah Seremban.

It is hereby declared that the particular land and area specified in the Schedule are needed for the following purpose:

For a public purpose, that is a site for a football field and upgrading the drainage system for public purpose at Mukim Ampangan Seremban, Negeri Sembilan under paragraph 3(1)(b) of the Land Acquisition Act 1960.

2. A plan of the particular land and area so specified may be inspected during normal working hours at the District and Land Office of Seremban.



## JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Seremban. Mukim/*Mukim*—Ampangan.

No. Lot Ukur	Hakmilik atau Pendudukan	Tuanpunya Berdaftar atau Penduduk yang Direkodkan	Keluasan Lot	Anggaran Keluasan yang akan Diambil
<i>Survey Lot No.</i>	<i>Title or Occupation</i>	<i>Registered Proprietor or Recorded Occupant</i>	<i>Area of Lot</i>	<i>Approximate Area to be Acquired</i>
	P.M.		Hektar/ Hectares	Hektar/ Hectares
33655	1198	Maimunah binti Md Ali	746	140
	H.S.(M)			
P.T. 21885	7027	Abd. Ghaffar bin Md Yusof	502	Semua

Bertarikh 7 November 2007

Dated 7 November 2007

[PTR(S) 362/003/07/01; PTG.NS 1/11/1/55; PU/NS(SW)12]

ZAFFARUDIN BIN SHARIF  
*Pengarah Tanah dan Galian/  
 Director of Land and Mines  
 Negeri Sembilan*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
 PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
 KUALA LUMPUR  
 BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA